




TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 14

Seorang guru matematik pernah menasihati saya dibangku persekolahan dulu agar saya terus berusaha dengan segala upaya yang termampu. Ujarnya ada orang menggali bukit emas dengan sudu. Pada masa yang sama, ada pula dengan penyodok pasir, dan ada pula dengan jentera penyodok. Kesemuanya akan akhirnya membuahkan hasil. Jelaslah perbezaan antara ketiga-tiga cara galian tersebut mafhumnya cepat atau lambat seseorang menggali sesebuah bukit emas itu. Namun begitu, apa yang membezakan daripada ketiga-tiga penggali itu tadi ialah usaha dan masa yang diambil. Jikalau menggali bukit emas menggunakan sudu, sudah pasti akan mengambil masa yang lama dan juga tenaga yang cukup banyak. Berlainan pula nasib bagi orang yang menggali bukit emas menggunakan penyodok pasir, sudah tentulah akan lebih cepat membuahkan hasil dan kurang tenaga yang digunakan berbanding penggali yang menggunakan sudu untuk menggali. Begitu juga dengan penggali bukit emas yang menggunakan jentera berteknologi moden, sudah pasti akan mengambil masa yang lebih singkat dan lebih sedikit tenaga digunakan dalam keberhasilannya berbanding penyodok pasir.

Analogi bukit emas boleh diertikan dengan ilmu yang berharga. Manakala alatan yang digunakan untuk menggali bukit emas tersebut membawa erti banyak mana usaha yang dilaburkan. Justeru itu, gabungan antara usaha (sudu) dan ilmu (bukit emas), sama dengan berjaya. Formula matematikanya seperti berikut:

sudu + bukit emas = emas
usaha + ilmu = berjaya

Definisi sudu dalam artikel ini beerti usaha. Ada banyak persoalan tentang usaha. Antara persoalan mengenai usaha ialah:

- (1) adakah salah kalau kita berusaha gigih? ; atau sama erti - adakah dengan menggunakan sudu untuk menggali bukit adalah perkara yang salah?
- (2) adakah dengan berusaha mencapai sesuatu adalah perkara yang hina? ; atau sama erti - adakah menggunakan sudu menggali bukit adalah perkara yang hina?

(3) adakah anda malu berusaha takut menjadi bahan bualan orang? ; atau sama erti - adakah dengan menggunakan sudu menggali bukit bakal mendatangkan cakap-cakap orang?

Ada pelbagai lagi soalan yang boleh direka mengenai sudu, tetapi tiga persoalan ini acap kali diperdengarkan apabila seseorang sedang berusaha. Natijahnya, teruskanlah berusaha sehingga kesemua gunung emas yang menjanjikan masa depan yang lebih baik itu berjaya ditarah kerana belum lagi ada aturan yang menguatkuasakan salahnya berusaha.

Bukit emas sebenarnya yang dimaksudkan ialah ilmu. Sesungguhnya agama kita memuliakan orang yang berilmu, bahkan Al-Quran dalam surah al-'Alaq dengan jelas menyatakan kepentingan berilmu. Tuhan yang mengeluarkan perintah supaya Rasulullah membaca adalah Allah, yang mengajar manusia seluruh ilmu yang dapat digunakan untuk mencapai kesenangan (Zulkifli, 2012). Intihannya, penting sekali dalam mengejar ilmu. Ini kerana ilmu adalah merupakan perintah daripada Allah dan rasulnya.

Emas bererti berjaya dalam artikel ini. Mafhumnya, manusia berbeza-beza sifatnya untuk berjaya. Perkembangan manusia adalah progresif dan kumulatif yang mana kadar dan tahap perkembangan adalah berbeza-beza antara setiap individu (Mohammad, A. S. M. A., & Nazariah, A. S., 2009). Ada yang mempunyai daya intelek yang tinggi lalu cepat mendapatkan ilmu itu dan berjaya. Ada pula yang mempunyai daya intelek yang rendah, namun begitu, dengan usaha yang berterusan, akhirnya juga membawa kejayaan. Cepat atau lambat itu bukan penentu. Tetapi penentu yang hakiki itu ialah punyai ilmu dengan usahanya sendiri.

Kesimpulannya, bak kata pepatah melayu pujangga, usaha ialah tangga kejayaan. Kejayaan perlu dikejar dan bukan datang bergolek. Saban hari saya memikirkan nasihat klasik cikgu matematik saya ini tentang sudu. Dalam juga maksudnya yang jika diteliti dan diamati baik-baik. Persoalannya, adakah sudah cukup saya berusaha?